

4.11.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
 Ketua Pegawai Eksekutif,
 PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
 Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 8 JAM DI KAWASAN-KAWASAN DI JALAN PERDA UTAMA, SEBERANG PERAI TENGAH PADA 7 NOVEMBER 2020

Masa/Hari/Tarikh	10.00 malam, Sabtu 7 November 2020 – 6.00 pagi Ahad, 8 November 2020.
Sebab	Pemasangan Injap Kupu-kupu DN 600mm di Jalan Perda Utama, Seberang Perai Tengah.
Bil. Akaun air yang terjejas	3,700 akaun.

PULAU PINANG, Rabu, 4.11.2020: Kerja-kerja penyambungan akhir paip untuk memasang Injap Kupu-kupu berdiameter 600mm di Jalan Perda Utama, Seberang Perai Tengah pada hari Sabtu, 7.11.2020.

Bagi membolehkan kerja-kerja fizikal ini, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) perlu mengasingkan dan “menutup” bahagian saluran paip 600mm sedia ada.

Penutupan saluran paip ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 8 jam di kawasan tertentu di Jalan Perda Utama. Kira-kira 3,700 akaun air akan terjejas oleh gangguan bekalan air ini.

Pengguna di kawasan berikut dinasihatkan untuk menyimpan air yang mencukupi untuk penggunaan selama **8 jam, dari 10.00 malam Sabtu, 7 November 2020 hingga 6.00 pagi hari Ahad, 8 November 2020:**



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

1.	Permata Apartment	7.	Taman Perda Barat
2.	Kondominium Mutiara	8.	Taman Perda Timur
3.	Kawasan Perniagaan Bandar Perda Utama	9.	Jalan Perda Utama
4.	Kawasan Perniagaan Bandar Perda Selatan	10.	Police Quarters
5.	Kawasan Perniagaan Gemilang Perdana	11.	Bomba Quarters
6.	Taman Camelia		

Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang menunjukkan semua kawasan yang terjejas.

Harap maklum kerja-kerja pemasangan paip ini adalah untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pembekalan air ke daerah Seberang Perai Selatan.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan sementara yang berlaku. Jangan lupa untuk menyimpan air yang mencukupi untuk digunakan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



APPENDIX A :
8-HOUR SCHEDULED WATER SUPPLY INTERRUPTION
IN AREAS AT JALAN PERDA UTAMA, SEBERANG
PERAI TENGAH.

7.11.2020 (SATURDAY) 10.00 PM TO
8.11.2020 (SUNDAY) 6.00 AM

 **Affected Areas**

